



26 JUN, 2024

`Luar kotak sayur, dalam ada ribuan botol minuman keras'

Harian Metro, Malaysia



'Luar kotak sayur, dalam ada ribuan botol minuman keras'

Pelabuhan Klang: Cuba seludup beribu botol minuman keras yang disembunyikan di dalam kotak sayur-sayuran seperti brokoli, cendawan, bunga kubis.

Taktik licik itu bagaimanapun berjaya dihidu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II Selangor yang berjaya mematahkan dua kes penyeludupan minuman keras berjumlah 9,691.2 liter dengan anggaran RM167,500.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, serbuan dan rampasan kedua-dua kes dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit II Selangor pada 30

Mei lalu di kawasan Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat, di sini.

"Dalam kedua-dua kes ini, barang rampasan ditemukan di dalam tiga buah kontena sejuk beku (reefer container).

"Bagi kes kedua, kontena diimbis menggunakan mesin pengimbas di Unit Mesin Pengimbas Cadang Zain Bebas Pelabuhan Utara yang menunjukkan imej imbasan meragukan.

"Hasil pemeriksaan kedua-dua kes, minuman keras ditemukan di bahagian belakang dalam kontena berkenaan di sebalik kotak-kotak yang mengandungi sayur-sayuran seperti brokoli, cendawan, bunga kubis.

"Siasatan mendapati, ba-

RM167K
Anggaran kesemua barang rampasan oleh JKDM.

gi kes pertama minuman keras itu dipercayai tidak mempunyai permit import manakala bagi kes kedua, pengimport gagal mengemukakan permit import ke atas pengimportan minuman keras itu," katanya.

Norlela berkata, siasatan mendapati modus operandi kedua-dua pihak sindiket adalah membuat pengiklanan tidak benar.

"Dagangan diikrar sebagai *Fresh Vegetables* melalui Borang Kastam 1 bagi mengelak dari dikesan oleh



pihak JKDM.

"Minuman keras adalah barang larangan dimana pengimportannya atau transit keatasnya dibenarkan dengan syarat mempunyai lesen import. Syarat itu dijelaskan di bawah Butiran 67, Bahagian I, Jadual Ketiga, Perintah Kas-

tam(Larangan Mengenai Import) 2023.

"Dalam kes kedua, turut ditahan seorang wanita warga tempatan berumur lingkungan 50 tahun bagi membantu siasatan," katanya.

Sementara itu, pada 4 Jun pula katanya, JKDM membuat rampasan membabit-

kan sebuah kontena mengandungi 2,058,000 batang rokok, dengan anggaran nilai dan duti/cukai berjumlah RM1,539,300.

Beliau berkata, kesemua kes sedang disiasat di bawah Akta Kastam 1967 mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.



26 JUN, 2024

‘Luar kotak sayur, dalam ada ribuan botol minuman keras’

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Pelabuhan Klang: Cuba seludup beribu botol minuman keras yang disembunyikan di dalam kotak sayur-sayuran seperti brokoli, cendawan, bunga kubis . Taktik licik itu bagaimanapun berjaya dihidu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II Selangor yang berjaya mematahkan dua kes penyeludupan minuman keras berjumlah 9,691.2 liter dengan anggaran R M 167,5 0 0.